



Rujukan : AADK 60/1/1 Jld.16 (352)

Tarikh : 1 Februari 2021

YBhg. Datuk/ Datin/ YBrs. Prof./ Dr./ Tuan/ Puan,

JEMPUTAN DAN PELAWAAN UNTUK MENJALANKAN KAJIAN SAINTIFIK DAN PENYELIDIKAN MENGGUNAKAN GERAN PENYELIDIKAN ILMIAH AGENSI ANTIDADAH KEBANGSAAN (AADK) TAHUN 2021

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Kerajaan telah menyediakan sejumlah peruntukan dalam bentuk Geran Penyelidikan Ilmiah bagi melaksanakan kajian – kajian berkaitan penyalahgunaan dadah dan bahan di Malaysia.

3. Geran Penyelidikan Ilmiah ini bertujuan untuk memberi peluang kepada penyelidik-penyelidik profesional menjalankan kajian saintifik dan penyelidikan yang relevan dengan permasalahan dadah negara serta menghasilkan suatu penemuan baharu yang meningkatkan mutu perkhidmatan AADK kepada rakyat serta meningkatkan keberhasilan program yang dijalankan.

4. Sehubungan dengan itu, pihak YBhg. Datuk/ Datin/ YBrs. Prof./ Dr./ Tuan/ Puan adalah dijemput dan dipelawa bagi menjalankan kajian saintifik dan penyelidikan menggunakan Geran Penyelidikan Ilmiah AADK Tahun 2021 berpandukan **Syarat Dan Skop Kajian Saintifik Dan Penyelidikan** yang telah ditetapkan iaitu **seperti di Lampiran A**. Pihak penyelidik yang berminat diminta untuk mengemukakan **Borang Permohonan Geran Penyelidikan Ilmiah AADK seperti di Lampiran B** kepada Cawangan Penyelidikan melalui **emel research@adk.gov.my. Tempoh tawaran dibuka untuk permohonan ini adalah mulai 1 sehingga 21 Februari 2021.**

5. Sebarang pertanyaan berhubung perkara ini, YBhg. Datuk / Datin / YBrs. Prof./ Dr. / Tuan / Puan boleh menghubungi pegawai-pegawai di Cawangan Penyelidikan, Bahagian Dasar, Perancangan dan Penyelidikan seperti berikut :

- 5.1 Puan Hafidah Binti Mohd @ Maasom : 019-6001206;
- 5.2 Encik Mohd Nazri Bin Hashim : 03-8911 2267; atau
- 5.3 Puan Zalehan Binti Tajuddin : 03-8911 2286

6. Perhatian dan kerjasama YBhg. Datuk / Datin / YBrs. Prof. / Dr. / Tuan / Puan ke atas perkara ini amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

"PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19"

"DADAH TERKAWAL 2025"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,


(DR. SABRI BIN ZAINUDIN ZAINUL)

Timbalan Ketua Pengarah (Operasi)

b.p Ketua Pengarah

Agensi Antidadah Kebangsaan

Kementerian Dalam Negeri

- s.k.
- 1. YBrs. Tuan Ketua Pengarah AADK
 - 2. YBrs. Puan Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan)
 - 3. Pengarah Bahagian Dasar, Perancangan dan Penyelidikan
 - 4. Fail